

Pelajar sekolah merempit, salah siapa?

Um - 17/3/2007

MASALAH segelintir pelajar sekolah menengah yang turut berlumba motosikal haram atau menjadi 'mat rempit' bukan rahsia lagi.


Walaupun masalah itu belum di tahap parah, namun pendekatan bijak telah diambil oleh Kementerian Pelajaran dengan asas 'mencegah lebih baik daripada berubat'.

Contohnya, pada 13 Februari lalu, kementerian itu telah melancarkan Program Membudayakan Kaedah Menunggang Motosikal Dengan Bijak dan Selamat, di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya 1, Putrajaya.

Kempen tiga tahun mulai 2007 hingga 2009 yang menelan belanja RM7 juta itu dibiayai oleh Premier Lubricants (M) Sdn. Bhd., iaitu syarikat pembekal minyak pelincir Castrol.

Benarkah kempen itu terpaksa disegerakan kerana masalah 'mat rempit' melibatkan pelajar kian melonjak?

Bagi menjawab teka-teki itu, wartawan *Yo!*, BAZLI ABDUL RAHMAN menemu bual Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK NOH OMAR untuk mengetahui kedudukan sebenar.



NOH OMAR

Yo!: Bekas juara motosikal 125cc Asia, Wazi Abdul Hamid menyifatkan punca utama merempit akibat 'virus' yang menyerang minda remaja. Benarkah dakwaan itu?

NOH: Wazi melabelkan begitu kerana beliau memiliki hujah yang cukup kuat. Sebab itulah kementerian bertindak awal mengadakan Program Membudayakan Kaedah Menunggang Motosikal Dengan Bijak dan Selamat. Menerusi program ini, Wazi dilantik sebagai jurulatih penunggang motosikal berdisiplin di sekolah menengah mulai tahun 2007 hingga 2009. Dalam program ini, Wazi membimbing kira-kira 14,000 pelajar di 90 buah sekolah melalui klinik bimbingan khas. Buat permulaan, dia akan mengendalikan klinik

tersebut yang melibatkan 150 pelajar dari 30 buah sekolah sepanjang 2007. Sebagai jurulatih dan penyelaras klinik berkaitan, Wazi membimbing pelajar menerusi dua sukatan pendidikan. Dalam sukatan pertama, pelajar menyertai latihan kemahiran berhubung aspek teknikal dan penyelenggaraan motosikal. Bab kedua pula, pelajar wajib mengikut latihan praktikal di jalan raya selama satu jam 40 minit. Latihan merangkumi cara menunggang dan membrek dengan selamat.

Yo!: Kenapa Wazi dipilih menjadi jurulatih dan penyelaras program itu?

NOH: Wazi memiliki tauliah kejurulatihan dari Pusat Latihan Kenny Robert di Barcelona, Sepanyol dan dari Majlis Kejurulatihan Lumba Motosikal Australia, di

Melbourne. Kita kena ingat bahawa Wazi adalah idola kepada remaja yang meminati sukan lumba motosikal. Jadi, apabila pelumba profesional menjadi pembimbing buat pelajar, tentulah budak-budak sekolah lebih mudah menerima didikan itu. Program pendidikan ini kita masukkan dalam kegiatan kokurikulum. Pendidikan sedemikian penting untuk masa depan akademik para pelajar itu sendiri... dengan harapan yang cukup tinggi, iaitu kita tidak mahu masa depan mereka (pelajar) berakhir dengan kehancuran.

Yo!: Apakah kempen itu hanya bertujuan menangani masalah 'mat rempit'?

NOH: Membasmi isu 'mat rempit' yang melibatkan budak-budak sekolah adalah salah satu daripada matlamat kempen yang kita jalankan itu. Sebenarnya, Kementerian Pelajaran mempunyai banyak wawasan menerusi kempen ini. Salah satu daripadanya ialah, kita amat inginkan para pelajar sekolah menengah memiliki pengetahuan

yang tinggi mengenai keselamatan jalan raya, terutama apabila mereka menunggang dan memboncong motosikal. Kementerian Pelajaran bertindak begitu setelah mendapati bahawa penunggang motosikal merupakan golongan yang paling ramai terlibat dalam kemalangan. Jadi, kita jalankan kempen terlebih dahulu supaya bilangan pelajar yang terlibat dengan nahas jalan raya menyusut setiap tahun.

Yo!: Ramai pelajar luar bandar bermotosikal tanpa lesen dan topi keledar ke sekolah. Bagaimanakah penyelesaiannya?

NOH: Melalui program yang kita jalankan ini, ia juga turut melibatkan pelajar di luar bandar. Kita mesti bertindak cepat kerana kita terlalu ramai budak-budak sekolah termasuk di kawasan Felda yang naik motosikal ke sekolah... bukan setakat tak ada lesen... malah tak pakai topi keledar pun ramai. Mereka ke sekolah naik motosikal kerana tidak ada bas sekolah di kawasan itu. Nak ada bas macam mana...? Jarak sekolah dengan rumah beberapa kilometer sahaja. Jadi, Kementerian Pelajaran kenalah menggunakan pendekatan mendidik mereka supaya menjadi penunggang dan memboncong yang selamat.

Yo!: Program Membudayakan Kaedah Menunggang Motosikal Dengan Bijak dan Selamat hanya melibatkan pelajar tingkat empat. Mereka di tingkatan lima bagaimana?

NOH: Kita menekankan buat mereka di tingkatan empat kerana kumpulan ini sudah boleh mendapatkan lesen motosikal. Kita tidak mahu mengganggu pelajar di tingkatan lima... kerana golongan ini sedang 'merempit' otaknya' (memerah otak demi kecemerlangan akademik) untuk mendapatkan keputusan cemerlang menerusi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sekali lagi saya ingatkan semua individu bahawa Kementerian Pelajaran sesekali tidak suka pelajar kita 'merempit' motosikal secara haram... sebab kita mahu mereka saling 'merempit' untuk muncul juara dalam SPM di sekolah masing-masing.